

Penderma darah wira negara: PM

m/s: 2

BH - 15/6/2020

Muhyiddin rakam penghargaan kenang jasa bantu selamat nyawa pesakit

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penderma darah juga adalah wira negara kerana pengorbanan mereka menderma darah secara sukarela, membantu menyelamatkan nyawa pesakit.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pengorbanan masa dan tenaga penderma darah yang tampil secara sukarela saban hari juga dapat dilihat ketika negara berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi melawan COVID-19.

“Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menganjurkan kempen derma darah.

“Menerusi kempen ini, masyarakat berpeluang menderma darah berdekatan dengan komuniti setempat dan ini lebih memudahkan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam video ucapan sempena Hari Penderma Darah Sedunia Peringkat Kebangsaan bertemakan ‘Darah Yang Selamat Menyelamatkan Nyawa’ dan ‘Derma Darah Demi Kesihatan Sejagat’ di laman sosial Facebooknya, semalam.

Fokus tema tahun ini menjurus kepada sumbangan setiap penderma darah dalam membantu menyelamatkan nyawa pesakit dan seterusnya meningkatkan tahap kesihatan komuniti setempat.

BERNAMA melaporkan, Perdana Menteri berkata, dalam situasi negara yang baru memasuki fasa pemulihan wabak COVID-19, normal kehidupan baharu perlu terus dilaksana untuk meraikan hari penderma darah tahun ini.

“Saya yakin semua platform media sosial akan dimanfaatkan dengan makluman berguna bagi meraikan penderma darah serta menyemarakkan kesedaran menderma darah,” katanya meminta rakyat meneruskan sokongan padu kepada Pusat Darah Negara dan tabung darah di seluruh negara.

“Saya ingin mengajak semua rakyat Malaysia, terutama yang masih belum menderma darah, mulakan langkah pertama anda dalam menjadikan amalan menderma darah secara berkala sebagai budaya gaya hidup sihat,” katanya.

Di **Putrajaya**, sumbangan penderma dan penganjur kempen derma darah di negara ini dihargai dua tokoh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui klip video ucapan yang dimuat naik melalui media sosial Pusat Darah Negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba yang menyifatkan penderma darah sebagai aset

negara kerana sumbangan mereka tidak ternilai, berkata tema sambutan tahun ini adalah bertepatan kerana darah yang didermakan juga menyumbang kepada rawatan kesihatan.

“KKM akan terus komited dalam memastikan keperluan bekalan darah mencukupi, selamat dan berkualiti, di bandar dan di luar bandar, selari dengan slogan darah demi kesihatan sejagat.

“Marilah kita terus menunaikan tanggungjawab menderma darah dan menganjurkan kempen derma darah. Amalkan gaya hidup yang sihat, kekal aktif dan teruskan sokongan padu anda dengan menderma di Pusat Darah Negara dan tabung darah di seluruh negara,” katanya.


Dr Adham turut mengingatkan rakyat membudayakan normal baharu dalam usaha memerangi COVID-19 melalui amalan kebersihan diri dan persekitaran, penjarakan sosial serta kepatuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam rakaman ucapannya, berkata peranan penderma darah dan penganjur kempen derma darah amat besar kerana sumbangan mereka dapat menyelamatkan insan lain.

Secara purata, katanya, beliau dimaklumkan 2,000 beg darah yang didermakan rakyat Malaysia digunakan untuk 1,000 pesakit setiap hari.

“Hari ini (semalam) hari yang bersejarah buat penderma darah, penganjur (kempen) derma darah dan kita semua. Saya bangga dengan rakyat Malaysia, tanpa anda siapalah kami.

“Teruskan usaha murni anda dan saya menyeru insan di luar sana terus tampil menderma darah,” katanya.

 **Saya ingin mengajak rakyat yang belum menderma darah, mulakan langkah anda jadikan amalan menderma darah secara berkala.**

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri